

18/02/2004

Profesional dijangka jadi calon pilihan

PENGARAH Urusan Kumpulan Bina Darulaman Berhad (BDB), Datuk Dr Ku Abdul Rahman Ku Ismail adalah antara muka baru yang disebut-sebut bakal diletakkan sebagai calon pada pilihan raya umum di Kedah.

Selain Dr Ku Abdul Rahman, nama yang turut disebut untuk diturunkan adalah Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Mahadzir Khalid; Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin dan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Datuk Dr Ahmad Fawzi Basri.

Pada masa sama, Yang Dipertua merangkap Pengerusi Eksekutif Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Datuk Nakhaie Ahmad, turut disebut sebagai antara calon Umno untuk bertanding di Baling.

Dr Ku Abdul Rahman, yang juga Naib Pengerusi Penaja Umno Bahagian Yan, dikatakan adalah calon pilihan untuk bertanding di kawasan Parlimen Jerai yang kini dipegang oleh Setiausaha Agung Pas, Nasharudin Mat Isa.

Beliau bukan muka asing dalam politik Kedah, malah pernah menjadi Setiausaha Politik kepada Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Berikutan prestasi yang baik ditunjukkan oleh Kumpulan BDB, khususnya dalam projek syarikat dan anak syarikatnya di seluruh negeri, situasi itu dilihat mampu memberi kelebihan kepada Dr Ku Abdul Rahman untuk menjadi calon.

Mahadzir pula dikatakan mendapat sokongan baik daripada bahagiannya di Padang Terap dan jawatannya sebagai Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, dilihat memberi kelebihan buatnya.

Malah, Mahadzir kini dikatakan kerap mengunjungi kawasannya yang menurut pemerhati politik, sebagai petanda beliau mempunyai hasrat untuk bertanding di situ.

Bagi Zainuddin, beliau tidak mempunyai pilihan selain bertanding buat pertama kali jika khidmatnya mahu dikekalkan dalam kerajaan.

Ini berikutan tempoh maksimum dua penggal senatornya akan tamat tidak lama lagi, sekali gus tidak mengizinkannya memegang jawatan berkenaan.

Malah, Zainuddin dikatakan sudah menunjukkan minat untuk mengisi tempat bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin di Parlimen Merbuk, dengan syarat tiada perebutan sesama ahli Umno di situ.

Bagaimanapun, keadaannya menjadi rumit kerana Umno Bahagian itu sudah membawa usul untuk mengetengahkan calon tempatan, termasuk Ketua Penajanya, Datuk Arzmi Abdul Hamid, biarpun keputusan akhir tetap di tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Ahmad Fawzi yang akan bersara tidak lama lagi, turut dikatakan antara calon di Parlimen Kubang Pasu bagi mengisi kekosongan yang akan ditinggalkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Malah, di bawah pentadbirannya, UUM dikatakan bebas daripada pengaruh pembangkang, tidak seperti beberapa universiti di negara ini dan dengan kedudukannya di UUM, beliau agak dihormati di kalangan penduduk setempat.

Sementara itu, beberapa muka lama dijangka akan diletakkan sebagai calon seperti bekas Exco kanan, Datuk Abdul Rahman Ibrahim, bekas Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar dan Setiausaha Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Abdul Rahman Ariffin.

Dr Affifuddin dan Abdul Rahman Ibrahim akan membuat penampilan semula selepas tidak bertanding pada 1999, manakala Abdul Rahman Ariffin tewas di DUN Jerlun pada 1999.